

Saliran tersumbat **punca banjir kilat**

Tujuh rumah di Jalan PJS4/27A jadi mangsa, air masuk sampai ke dalam kediaman

■ ASYRAF MUHAMMAD

PETALING JAYA - Sistem saliran di Jalan PJS4/27A yang terganggu dan tidak dapat berfungsi dengan sempurna menyebabkan penduduk berhampiran kawasan ini sering terdedah kepada masalah banjir kilat.

Dalam kejadian hujan lebat yang berlaku malam kelmarin, tujuh rumah terjejas setelah kediaman mereka dinaiki air berikutan kegagalan sistem saliran berfungsi dengan sempurna.

Seorang penduduk, Anusiuaa Balakrishnan, 34, berkata, dia sekeluarga terpaksa menempuh detik cemas memandangkan air di dalam longkang mula memasuki kediaman mereka disebabkan masalah berkenaan.

"Saya seorang diri terpaksa bertungkus-lumus alihkan barang di ruang tamu dan dapur sebab air dah mula masuk rumah.

"Masa tu suami saya bekerja, ibu saya pula uzur. Jadi terpaksalah saya lakukan semuanya seorang diri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Anusiuaa, dia tidak menjangka paras air akan naik dengan begitu cepat memandangkan kejadian sebegini tidak pernah berlaku sebelum ini.

Dengan keadaan hujan lebat pada waktu itu, Anusiuaa berkata, tempoh masa untuk air masuk ke dalam kediaman mereka hanyalah kira-kira 10 minit.

"Air naik begitu cepat dan saya



Haniza bersama wakil MBPJ turun padang semalam bagi meninjau keadaan di kawasan berkenaan.

terpaksa bertindak pantas sebelum semua barang dalam rumah rosak akibat daripada kejadian ini," katanya.

Dalam pada itu, seorang warga emas, Ramli Ahmad, 62, berkata, sistem saliran di kawasan berkenaan sememangnya tidak berfungsi dengan sempurna disebabkan sampah-sarap yang dibuang secara sesuka hati oleh segelintir penduduk setempat.

Selain itu, Ramli berkata, kawasan berkenaan yang tidak diselenggara mengikut jadual oleh pihak kontraktor juga dilihat menjadi faktor penyebab kepada masalah ini.

"Longkang di sini terganggu kerana dipenuhi botol dan tin terpakai. Wakil rakyat sebelum ini pernah bagi tong sampah buat setiap ru-

mah namun ada penduduk yang tak guna kemudahan itu malah hanya buang sampah di dalam longkang," katanya.

Dalam pada itu, Adun Taman Medan, Haniza Talha turut turun padang bersama wakil Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi meninjau keadaan rumah kediaman yang dimasuki air dalam kejadian itu.

Menurut Haniza, pihak MBPJ akan menyedut semua sampah di dalam longkang tersebut selepas ini bagi membolehkan sistem saliran berfungsi dengan sempurna.

"Longkang ini akan dicuci dengan sistem sedutan memandangkan terdapat struktur binaan di atas sistem saliran di sini," katanya.

Bagi mengelakkan masalah ber-



Kira-kira tujuh buah rumah di Jalan PJS4/27A terjejas akibat banjir kilat sebelum ini.

ulang, Haniza menegaskan supaya penduduk setempat tidak membuang sampah di dalam longkang sehingga mengganggu sistem saliran.

Selain itu, Haniza turut menekankan supaya kerja-kerja pembersihan berkala perlu dijalankan dengan lebih konsisten dan teratur mengikut jadual ditetapkan.

"Jika dah tetap seminggu sekali, pihak kontraktor perlu laksananya ikut jadual dan jangan tunggu bila jadi banjir kila baru tindakan nak diambil," katanya.

Tambahnya, pengambilan kontraktor yang menawarkan harga rendah dilihat hanya mengundang masalah memandangkan khidmat yang disampaikan amat tidak memuaskan.



Anusiuaa membersihkan pekarangan rumahnya yang dinaiki air akibat banjir kilat kelmarin.